

22/03/1997

Perdana Menteri ke Arab Saudi

SUBANG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas ke Arab Saudi hari ini untuk menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal kerana sumbangannya kepada perkembangan Islam.

Perdana Menteri, yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah di sini kira-kira jam 10 pagi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan beberapa menteri berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan.

Dr Mahathir akan menerima sijil, sebuah pingat emas dan wang US\$200,000 (RM495,000) pada majlis penyampaian anugerah itu di Dewan Persidangan Pusat Al-Khozamah di Riyadh esok.

Sementara itu, kenyataan Yayasan Al-Malik Faisal menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin negara Islam yang memberi sumbangan besar kepada Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Menurut kenyataan itu, sejak menjadi Perdana Menteri 16 tahun lalu, Dr Mahathir disanjung dan dihormati kerana berjaya memperkenalkan dasar yang mampu merapatkan lagi hubungan serta kerjasama di kalangan rakyat Malaysia beragama Islam dan bukan Islam.

(END)